

# Kelantan juara silat kebangsaan

B. Harian (M)

23 AUG 1991

Oleh HAMLİ ASADI

KELANTAN muncul juara selepas mengumpul empat pingat emas dalam Kejohanan Silat Kebangsaan di Dewan Datuk Syed Omar, Alor Star, berakhir semalam.

Pingat emas itu disumbangkan oleh Mohd Basri Abd Rahman, Wan Muhammad Aminuddin, Maisapura Md Nor dan Rosma Ya, masing-masing bagi kelas A serta F putera dan E serta D puteri.

Basri mengalahkan Rosali Md Sari dari Gayung Fatani, mana-

kala Wan Muhammad Aminiddin mengalahkan Yusuf dari Sarawak di perlawanan akhir.

Sementara Maisapura mengalahkan Zaleha Suradi dari Gayung Malaysia, manakala Rosma Ya mengalahkan Cik Anum dari Lincah.

Kelantan juga mendapat tambahan satu pingat perak dan dua gangsa menerusi Mohd Nazi Ibrahim, Rosmawani Ismail dan Md Zain Cik Yaakob.

Naib johan dimenangi oleh Gayung Fatani

dengan tiga emas, satu perak dan empat gangsa, manakala tempat ketiga dimenangi oleh gayung Malaysia dengan dua emas, satu perak dan satu gangsa.

Tuan rumah Kedah, hanya berjaya di tempat keenam selepas Sarawak dan Melaka kerana mampu hanya memperolehi tiga pingat, satu emas, perak dan gangsa.

Tetapi di bahagian silat seni acara putera, Kedah muncul juara keseluruhan setelah mendapat johan bagi persembahan silat ber-

senjata dan tempat ketiga bagi acara silat tari solo.

Dalam acara itu, Kedah diwakili oleh Abdul Ghafar Abd Majid, Zulkarnian Awang dan Khairizul Fadli Abd Rani.

## SILAT NASIONAL

# Kulvindar ke final

25 AUG 1991

BUAT julung-julung kalinya, peserta bukan Melayu, berjaya menapak ke pertandingan akhir Kejohanan Pencak Nasional.

Kulvindar Singh, pesilat Perguruan Sendeng, mengemukakan ramai peminat sukan ini apabila beliau melayakkan diri ke pertandingan akhir Kelas 'Berita Minggu

Beliau akan berdepan dengan pesilat nasional, Effendi Ani dari Gaya Pasak, yang mewakili negara dalam Pesta Sukan Brunei Darussalam.

Menurut penolong setiausaha satu, Persatuan Silat

Singapura (Persisi), Mohamed Kamin Said, penampilan Kulvindar dalam seni mempertahankan diri Melayu ini cukup menggalakkan.

"Malah dari cara persembahannya, gaya pukulan dan serangannya, menggambarkan Kulvindar seolah-olah menguasai seni sukan ini," kata Kamin.

Kamin menyatakan sebanyak 18 perguruan silat telah tampil dalam kejohanan kali ini. Seramai 154 pesilat menyertai acara silat olahraga dan 333 pesilat pula tampil dalam acara kesenian.